

### FOUR PEOPLE AND A PLATE : MUSLIM TRADITION OF SHARING FOOD IN A PLATTER AT CCSC IN KUALA TERENGGANU AND ITS RELATION TO THE SPIRITUALITY OF THE FAMILY

### SATU TALAM EMPAT ORANG: AMALAN MAKAN BERTALAM DI CCSC KUALA TERENGGANU DAN KAITANNYA DENGAN KEROHANIAN KELUARGA

Ahmad Faizal Ramly<sup>1</sup>, Wan Mohd Yusof Wan Chik<sup>2</sup>, Wan Hishamudin Wan Jusoh<sup>3</sup>, Mohd Safri Ali<sup>4</sup> & Ahmad Tarmizi Yusof<sup>5</sup>

<sup>1</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia. faizalramly@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Felo Penyelidik, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. mohdyusof@unisza.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. wishamudin@unisza.edu.my

<sup>4</sup> Profesor Madya, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. msafri@unisza.edu.my

<sup>5</sup> Calon Sarjana, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. bonzaidum\_md@yahoo.com

**Vol. 9. No. 1**  
**December Issue**  
**2020**

#### **Abstract**

*Studies have shown that family meals or family dinners are beneficial for the psychology and the sociology of the family. Starting in March 2017, the Cure & Care Service at Kuala Terengganu has initiated an approach among its clients; of sharing food in groups and consuming it in a platter. This practice is part of the rehabilitation through prophetic tradition model or namely Islamic Model which the CCSC at Kuala Terengganu seeks to adopt. Families of clients also participate to eat with their kin in such a way when attending certain programs at CCSC. This paper intends to elaborate on the concept of the tradition as adopted at Kuala Terengganu's CCSS, also to give an insight to its wisdoms onto the spirituality of the family. This paper is a qualitative research that combines methods used in literature and field studies for the purpose of data collection and analysis. Researcher also interviews the administrators and the residents at the CCSC to explore their views regarding the activity and the benefit of such activity to the spirituality of the family. This study finds the adopted approach as unique and has positive impact in term of its contribution to the spirituality of the family. This approach is thus suggestible for implementation at other drug rehabs should it comply with certain terms and regulations.*

*Keywords: Food, Prophetic, Family, Spirituality, CCSC.*

#### **Abstrak**

*Beberapa kajian telah membuktikan bahawa amalan makan bersama keluarga sebagai bermanfaat kepada psikologi dan sosiologi keluarga. Mulai Mac 2017, Cure & Care Service Center (CCSC) Kuala Terengganu telah*

*memulakan pendekatan makan berkumpulan secara bertalam di kalangan kliennya. Amalan tersebut merupakan salah satu aktiviti yang terdapat di dalam model pemulihan secara Sunnah Rasulullah SAW atau model Islamik yang cuba diterapkan di CCSC Kuala Terengganu. Amalan tersebut turut melibatkan keluarga klien yang menziarahi dan menyertai program berkala di CCSC Kuala Terengganu. Kajian ini bercadang meneliti amalan makan bersama secara bertalam yang terdapat dalam tradisi Muslim di CCSC Kuala Terengganu. Kertas ini menerangkan konsep yang digunapakai di CCSC Kuala Terengganu dan hikmah-hikmah kerohanian keluarga daripada amalan tersebut. Kajian berbentuk kualitatif ini menggabungkan metod kajian perpustakaan dan lapangan bagi tujuan pengumpulan data dan analisa. Pengkaji turut menemuramah pihak pengurusan dan klien di CCSC Kuala Terengganu bagi meninjau aspek penerimaan dan kesan amalan tersebut terhadap kerohanian keluarga. Kajian ini mendapati pendekatan ini sebagai unik dan mempunyai impak dalam sumbangannya terhadap kerohanian keluarga. Jesteru, wujud kewajaran penerapannya di pusat-pusat pemulihan lain, sekiranya syarat-syarat tertentu dipatuhi.*

*Kata kunci: Makanan, Sunnah, Keluarga, Kerohanian, CCSC.*

## **PENDAHULUAN**

Beberapa kajian yang telah dijalankan terhadap keluarga yang mengamalkan makan secara bersama telah menunjukkan kesan positif terhadap psikologi dan sosiologi ahli keluarga (Fishel, 2016; Eisenberg, Marla E., Olson, Neumark-Sztainer, Story, & Bearinger, 2004).

Kajian oleh Skeer & Ballard (2013) menjelaskan bahawa amalan makan bersama keluarga boleh melindungi remaja daripada terjebak dengan risiko pengambilan arak, rokok, marijuana dan dadah-dadah lain.

Pengalaman mikro yang diperoleh daripada aktiviti seperti makan bersama dapat memberikan fahaman makro tentang idealisme dan konstruk budaya keluarga (Cappellini & Parsons, 2012). Antara konstruk budaya yang disampaikan sewaktu makan bersama keluarga ialah kerohanian keluarga seperti bacaan doa dan restu serta bacaan dari kitab suci (Helen, 2000).

Belk (2010) mencadangkan pendekatan utama dalam kajian seumpama ini ialah dengan menyiasat amalan pemakanan dalam keluarga yang berasaskan perkongsian.

Walau bagaimanapun, makan bersama keluarga mempunyai cabarannya yang tersendiri. Menurut Meier & Musick (2014), kesan daripada

aktiviti makan bersama keluarga akan berkurangan atau lemah sekiranya ahli keluarga tidak mempunyai hubungan yang baik.

Sebagai contoh, ahli keluarga lelaki kurang memberikan komitmen berbanding wanita untuk makan bersama keluarga kerana wujud kekangan-kekangan dalam hubungan yang menimbulkan rasa tertekan dan tegang sewaktu bersama (Prior & Limbert, 2013).

Berasaskan premis-premis ini, kajian ini bercadang meneliti amalan makan bersama secara bertalam yang terdapat dalam tradisi Muslim. Antaranya ialah amalan makan bertalam di *Cure & Care Service Center* Kuala Terengganu (CCSC KT).

## **CURE & CARE SERVICE CENTER KUALA TERENGGANU**

CCSC KT ialah sebuah pusat pemulihan sukarela yang diuruskan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Di CCSC KT, amalan makanan secara bertalam telah diterapkan sebagai salah satu elemen dalam modul Islamik CCSC. Kajian ini memfokuskan kesan amalan mikro iaitulah makan bertalam ke atas kerohanian keluarga pihak berkepentingan di CCSC tersebut.

Kajian ini mendedahkan kaitan amalan makan secara bertalam di CCSC

KT dengan kerohanian keluarga. Memandangkan amalan makan secara bertalam ini melibatkan residen CCSC KT, kakitangan CCSC KT dan ahli keluarga residen yang datang berziarah, maka keluarga dalam konteks kajian ini ialah semua pihak berkepentingan di CCSC KT yang merangkumi residen, kakitangan pengurusan dan keluarga residen.

Maksud kerohanian keluarga dalam kajian ini ialah unsur dalam keluarga yang dikaitkan dengan pemahaman terhadap makna kehidupan dan hubungannya dengan Tuhan, yang diterjemahkan dan diperoleh melalui amalan serta kesannya terhadap pembentukan nilai.

Ringkasnya, kerohanian keluarga ialah berkenaan kerohanian ilmu, kerohanian amalan dan kerohanian penghayatan. Elemen ilmu (*worldview*), amal dan akhlak adalah asas yang membolehkan penilaian keberagamaan (Krauss, Azimi, Rumaya & Jamaliah, 2005).

Dalam penilaian kerohanian keluarga, elemen keselamatan sewaktu makan bertalam juga dinyatakan. Kerohanian dalam Islam tidak sewajarnya mengabaikan aspek sains empirikal seperti faktor keselamatan makanan.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi pengumpulan dan analisis data. Satu sesi temubual telah diadakan bersama ketua pegawai AADK Kuala Terengganu, Encik Hafiz bin Hassan, bagi mendapatkan gambaran konsep, kaedah pelaksanaan serta kesan yang boleh dicerap daripada amalan makan bertalam di CCSC KT.


Bagi tujuan pengesahan dan data yang lebih terperinci, kajian ini turut membuat temubual berstruktur menggunakan soal selidik borang bersama pihak berkepentingan di CCSC KT. Sebanyak 20 responden telah terlibat dalam kajian ini.

Pecahan responden adalah seperti berikut: 8 residen (40%), 1 bekas residen (5%), 3 ahli keluarga residen (15%) dan 8 kakitangan CCSC dan AADK Kuala

Terengganu (40%). Tahap respon ialah 97%. Seorang responden (R15) memilih untuk berkongsi dalam perkara tertentu sahaja.

Soalan tentang kerohanian dibina berdasarkan adab dan etika Rasulullah SAW sewaktu makan bertalam yang bersumberkan sunnah yang sahih daripada kitab-kitab hadis serta ulasan ulama. Soalan-soalan ini dibentuk atas tiga tema kerohanian iaitu pengetahuan, praktis dan penghayatan (Haridi, 2016). Faktor keselamatan sebagai sebahagian daripada kerohanian telah digandingkan dengan tema pengetahuan.

Berkenaan keselamatan amalan pemakanan, responden ditanya tentang kesudian mereka untuk makan secara bertalam dengan orang-orang yang selalu distigmakan. Ini termasuklah OKU, bekas penagih, pesakit yang mempunyai penyakit tidak berjangkit melalui makanan atau minuman dan pesakit yang mempunyai penyakit yang boleh berjangkit melalui makanan atau minuman. Soalan yang dibina juga telah dikaitkan dengan hadis-hadis yang sahih.



Rajah 1 : Domain kerohanian keluarga terdiri daripada pengetahuan, praktis dan penghayatan (Haridi, 2016; Krauss et al., 2005)

### MAKAN BERTALAM DALAM SUNNAH KEROHANIAN KELUARGA RASULULLAH SAW

Umat Islam mempercayai bahawa gaya hidup Rasulullah SAW adalah contoh yang mesti diikuti mengikut kadar dan kemampuan masing-masing. Semua perbuatan dan adab-adab Rasulullah SAW diyakini mempunyai makna serta manfaat kepada kerohanian seorang Muslim.

Pegangan tentang kepentingan mencontohi Rasulullah SAW untuk manfaat jasmani dan rohani, dunia dan akhirat ini adalah berasaskan ayat 21 surah al-Ahzab. Mencontohi perilaku dan gerak geri Rasulullah SAW adalah tidak terhad kepada amalan ibadat sahaja, bahkan mencakupi semua perilaku harian baginda termasuklah adab ketika makan.

Salah satu daripada adab makan Rasulullah SAW ialah makan secara bersama dan berkongsi hidangan dalam satu talam. Terdapat banyak hadis yang meriwayatkan situasi Rasulullah SAW berkongsi makanan secara bertalam dengan keluarga baginda. Hadis-hadis ini turut memperlihatkan situasi Rasulullah SAW menerapkan kerohanian dan etika melalui aktiviti makan bersama.

Sebagai contoh, anak tiri Rasulullah SAW, 'Umar bin Abi Salamah menceritakan:

*"Aku ialah budak yang dibesarkan di ribaan Rasulullah SAW, dan sering kali tanganku berkeliaran di dalam talam makanan. Lalu Rasulullah bersabda: Wahai anak, sebutlah nama Allah [Bismillah sewaktu makan], makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan yang berhampiran dengan tempat dudukmu. [Kata 'Umar bin Abi Salamah], semenjak itu, aku terus mengamalkan cara makan tersebut".*

Hadis dengan lafaz terjemahan ini diriwayatkan oleh al-Bukhariyy (2002). Terdapat beberapa lagi riwayat hadis ini dengan makna yang sama beserta tambahan terhadap lafaz dalam teks hadis (Muslim, 2002; Abu Dawud, 2009 & Malik, 1994).

Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW didapati tidak terus menegur perbuatan anak tirinya menyentuh-nyentuh makanan sebagaimana yang sering dilakukan oleh budak kecil. Sebaliknya Rasulullah SAW memulakan teguran dengan menyuruhnya membaca *Bismillah* (dengan nama Allah) dengan bacaan yang boleh didengari sebelum memulakan makan.

Bacaan *Bismillah* sebelum memulakan makan mempunyai konotasi

kerohanian yang mendalam terhadap keluarga, sekiranya dihayati (Rashid Ridha, 1947). Bacaan tersebut mengingatkan keluarga Muslim tentang Tauhid (keesaan) Allah sebagai satu-satunya tuhan yang berkuasa mengurniakan rezeki. Kurniaan rezeki tersebut ialah tanda rahmat serta belas kasihan Allah ke atas makhlukNya.

Selain daripada makna Tauhid, orang Islam juga percaya bahawa *Bismillah* dibacakan bagi memastikan makanan yang disuap akan diberkati oleh Allah dengan kebaikan-kebaikan serta dijauhkan daripada keburukan dan kekejian yang cuba dimasukkan oleh syaitan atau anasir-anasir lain (al-Nawawiyy, 2001).

Makna kerohanian yang sama juga diterapkan dalam hadis yang menyuruh Muslim membaca *Alhamdulillah* (puji puja hanya bagi Allah) apabila selesai makan (al-Nawawiyy, 1993). Selain itu, Rasulullah SAW juga sering membacakan doa selepas memakan hidangan yang disajikan (Muslim, 2002 & Abu Dawud, 2009).

Doa baginda akan diaminikan oleh para sahabat atau keluarga baginda yang turut makan bersama baginda. Reaksi dan amalan mikro ini pada hakikatnya ialah simbolik kebersamaan dalam amalan kerohanian keluarga.

Rasulullah SAW juga menganjurkan kesederhanaan sewaktu makan. Konsep kesederhanaan Islam tidak bermaksud menghindari makanan yang enak-enak. Sebaliknya Rasulullah SAW sendiri menyukai makanan tertentu kerana keenakannya seperti peha kambing, manisan kurma dan labu.

Kesederhanaan sewaktu makan menurut Islam bermaksud mengelakkan perbuatan melampau seperti berlebihan dalam penyediaan makanan, makan sehingga terlalu kenyang, gelojoh, mengambil makanan secara tamak dan membazirkan makanan yang tidak dihabiskan (al-Bukhariyy, 2002; Muslim, 2002; Abu Dawud, 2009 & Ibn Majah, t.th).

Makan secara bertalam dapat menggalakkan kesederhanaan yang

dianjurkan Islam dan secara tidak langsung akan menghindarkan sikap melampau.

Hadis-hadis berkait amalan makan bertalam juga didapati menggambarkan sifat-sifat terpuji yang merupakan hasil kerohanian yang sempurna. Dalam hadis yang dinyatakan sebelum ini, Rasulullah SAW memperlihatkan sifat rendah diri baginda apabila duduk bersama anak tirinya yang merupakan seorang anak yatim.

Dalam riwayat yang lain, Rasulullah SAW sendiri memanggil anak tirinya untuk duduk makan bersama baginda (Abu Dawud, 2009). Ini turut menggambarkan sifat rahmat yang merupakan hasil kerohanian yang sempurna. Perbuatan ini secara tidak langsung telah menegur persepsi negatif bangsa Arab jahiliah dan badwi terhadap kanak-kanak, anak yatim dan anak tiri (al-Bukhariyy, 2002 & Ibn Hajar, 1986).

Sifat kerohanian tersebut menunjukkan bahawa status umur, anak tiri dan anak yatim tidak menjadi penghalang atau stigma untuk ahli keluarga bersama berkongsi talam makanan.

Dalam menepis stigma dan menghayati rasa kebersamaan, Rasulullah SAW juga pernah makan bersama orang yang buta yang telah menjemput baginda untuk solat di rumahnya (Ibn Majah, t.th).

Namun pembasmian stigma tidak bererti pengabaian terhadap aspek keselamatan dalam amalan makan bertalam. Ilmuwan hadis telah merekodkan banyak hadis sahih yang menyuruh umat Islam agar menjauhi individu-individu yang mengidap penyakit berjangkit tertentu. Antaranya ialah hadis berkenaan penyakit taun dan penyakit kusta.

Meskipun terdapat hadis tentang kisah Rasulullah SAW makan bersama pesakit kusta, kesahihan riwayat tersebut telah dinafikan oleh Ibnu Hajar al-'Asqalaniyy (1986). Daripada hadis-hadis ini, dapatlah dirumuskan bahawa penghayatan orang Islam tentang konsep kebersamaan perlulah diimbangkan dengan konsep-konsep seperti

keselamatan dan kebersihan.

Perasaan kasih sayang yang tinggi terhadap ahli keluarga turut ditunjukkan melalui hadis tentang menyuap makanan ke mulut ahli keluarga yang makan bersama. Rasulullah SAW juga menggalakkan suami isteri saling menjilat jari sesudah makan yang menggambarkan sifat mesra Rasulullah SAW (al-Bukhariyy, 2002 & Muslim, 2002).

Dalam menghayati teladan Rasulullah SAW sewaktu makan secara bertalam, keluarga perlulah menyantuni ahli keluarga dengan kasih sayang yang tulus, mengamalkan empati dan menghindari stigma. Pendekatan ini sangat membantu dalam memahami personaliti-personaliti dalam keluarga, seterusnya membolehkan amalan dan pengetahuan kerohanian dikongsi dengan lebih baik.

#### **AMALAN MAKAN BERTALAM DI CCSC KT**

Idea untuk mewujudkan CCSC Islamik di Kuala Terengganu telah diilhamkan oleh Pegawai Pemulihan AADK Kuala Terengganu, Encik Hafiz bin Hasan. Idea ini seterusnya telah dikembangkan olehnya bersama pegawai dan kakitangan yang lain di CCSC KT.

Inspirasi untuk mewujudkan CCSC Islamik ini sebenarnya berasal dari saranan yang dikemukakan oleh AADK pusat, khususnya oleh Ketua Pengarahnya, Dato' Dr. Abdul Halim bin Mohd Hussin (2017) yang menggalakkan penerapan unsur kerohanian dalam pendekatan pemulihan penagih. CCSC Islamik yang diperkenalkan di CCSC KT mengekalkan keseluruhan modul MATRIX yang digunapakai di semua pusat pemulihan AADK dengan penambahan elemen Islam yang ketara.

Konsep CCSC Islamik yang dimaksudkan oleh CCSC KT ialah pengamalan sunnah-sunnah utama yang tidak terlalu rumit ke atas bekas penagih. Konsep ini telah mengambil kira latar belakang pendidikan bekas penagih, asas agama mereka, tempoh pemulihan dan keutamaan-keutamaan lain dalam aspek pemulihan.

Antara elemen mikro yang turut ditekankan di CCSC KT selain daripada makan bertalam ialah hafalan surah lazim, pemakaian kopiah dan mengenakan minyak wangi (attar).

Makan bersama secara bertalam, menurut Encik Hafiz, merupakan satu sunnah Rasulullah SAW yang telah dipinggirkan oleh tetapan minda moden (*modern mind set*) yang membayangkannya sebagai kurang bertamadun, tidak bersih dan menjijikan.

Walhal, amalan tersebut telah diterapkan secara salah dan tidak mengikut sunnah sebenar sehingga menimbulkan persepsi yang salah. Ia sepatutnya tidak menjadi suatu isu, lebih-lebih lagi amalan makan secara bertalam bukanlah satu perkara yang asing dalam adat nusantara (Jandra, Djamil, Salamon, Ansyory, & Zein, 2016).

Bangsa Jawa, misalnya, menghidangkan nasi ambeng di dalam talam sewaktu kenduri-kenduri seperti perkahwinan dan majlis tahlil (Ferawati, Azalanshah, Syed, & Hamzah, t.th). Kesan persepsi yang salah ini, amalan makan secara bertalam menjadi semakin asing daripada jati diri nusantara. Akibatnya, generasi kini juga tidak dapat menikmati hikmah-hikmah yang terdapat dalam sunnah Rasulullah SAW tersebut.

Bagi memperkenalkan pendekatan makan bertalam, CCSC KT telah memulakan inisiatifnya dengan mengadakan ceramah agama berkenaan pemakanan secara sunnah. Ceramah tersebut bertujuan menerangkan konsep sebenar dan memperbetul persepsi serta aplikasi salah dalam penerapan sunnah tersebut. Kelebihan-kelebihan makan bertalam juga diperjelaskan dalam sesi tersebut.

CCSC KT terus mewajibkan amalan makan secara bertalam ke atas residen mulai Mac 2017. Kakitangan CCSC dan AADK KT juga makan secara bertalam bersama residen dalam program-program yang melibatkan makan di CCSC. Keluarga yang menghadiri program keluarga residen juga akan makan bersama ahli keluarga mereka yang menjadi residen di CSC KT.

Pada asasnya, makanan akan disediakan oleh residen yang bertugas secara berjadual. Mereka akan menghidangkan makanan di dalam talam-talam yang diletakkan di atas lantai yang dilapik dengan tikar. Setelah siap dihidang, mereka akan memanggil residen-residen lain untuk makan bersama-sama.

Setiap hidangan akan dikongsi oleh empat orang. Memandangkan mereka makan di atas lantai, mereka disarankan agar memberikan keselesaan tempat duduk kepada semua orang yang makan bersama mereka. Mereka hanya akan memulakan makan apabila semua telah duduk dan membaca *Bismillah* atau doa.

Setelah makan, semua residen akan bergotong-royong membersihkan kelengkapan memasak dan makan. Sekiranya majlis yang diadakan melibatkan kakitangan CCSC KT dan keluarga, semua residen akan melakukan gotong-royong bersama kakitangan dari awal sehingga majlis selesai.

#### DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati amalan makan bertalam bukanlah perkara yang terlalu asing di kalangan responden. 19 responden menyatakan mereka pernah melihat orang makan secara bertalam, terutamanya di masjid atau surau.

Daripada jumlah tersebut, seramai 15 orang pernah makan secara bertalam sebelum amalan ini dipraktikkan di CCSC KT. Walau bagaimanapun, hanya R13 dan R20 sahaja yang pernah makan secara bertalam bersama keluarga mereka di rumah.

Pada mulanya hanya 50% responden atau 10 orang menyatakan perasaan seronok dan teruja apabila mula-mula makan secara bertalam di CCSC KT. 45% responden (sembilan orang) mengatakan mereka tidak suka atau kekok sewaktu mula-mula mengamalkannya.

Seorang responden (R16) pula memilih untuk tidak menjawab soalan tentang minatnya terhadap makan bertalam. Walaubagaimanapun, persepsi

negatif semua responden tersebut, melainkan R16, didapati berubah selepas makan secara bertalam beberapa kali.

R15 menjelaskan persepsi awalnya tentang makan bertalam sebagai kotor ternyata meleset apabila melihat cara ia dipraktikkan di CCSC KT. R9 dan R14 yang pada mulanya merasa kekok dengan amalan ini pula menyatakan bahawa mereka seronok kerana dapat melakukan satu sunnah Rasulullah SAW.

Meskipun persepsi tentang makan bertalam berjaya diubah, apabila ditanya tentang minat untuk makan bersama ahli keluarga, dua orang responden (R9 & R10) mengatakan bahawa mereka tidak berminat untuk makan setalam bersama keluarga mereka baik secara kerap mahu pun sekali-sekala.

Walau bagaimanapun, apabila ditanya lebih lanjut, kajian ini mendapati 90% responden; termasuk responden yang mulanya tidak mahu makan bersama keluarga, telah menyatakan minat untuk berbuka puasa bersama keluarga mereka secara makan bertalam. Hanya R9 yang tetap tidak mahu makan bersama keluarganya secara bertalam. R16 tidak memberikan sebarang respon tentang makan bersama keluarga.

R1, yang merupakan responden daripada kalangan keluarga residen pula bersemangat untuk mengaplikasikan cara makan ini di rumahnya. Beliau menyatakan bahawa beliau telah membeli talam untuk digunakan sewaktu makan bersama ahli keluarganya. Beliau bercadang hanya untuk makan bertalam secara sekali-sekala.

Sewaktu bertanya tentang pengetahuan responden mengenai adab dan etika Rasulullah SAW sewaktu makan secara bertalam, kajian ini mendapati 19 responden mengetahui 46% daripada adab-adab tersebut. Mereka menyatakan bahawa mereka mungkin pernah mendengar 36% daripada adab-adab yang ditanyakan. 18% daripada adab-adab tersebut pula dianggap sebagai janggal dan tidak pernah diketahui.

Daripada 30 adab yang disenaraikan, pengetahuan responden

tentang sunnah makan dan minum secara duduk menduduki tempat tertinggi (15 responden). Ini diikuti oleh pengetahuan responden tentang keberkatan perbuatan bersyukur yang akan menyebabkan pertambahan rezeki (14 responden).

12 responden mengetahui bahawa Rasulullah SAW menggalakkan umat Islam berkongsi makanan dan makan secara bersama-sama tetapi hanya 7 orang responden yang mengetahui bahawa Rasulullah SAW tidak menggalakkan umatnya makan secara bersendirian.

Berkenaan perkongsian makanan dalam keluarga, hanya sembilan responden (45%) yang mengetahui bahawa Rasulullah SAW makan bersama keluarga baginda. Daripada jumlah tersebut, hanya dua responden (R6 & R17) yang mengetahui bahawa Rasulullah SAW turut makan bersama anak tirinya.

Berkenaan praktis adab ketika makan secara bertalam, majoriti responden mengamalkan adab-adab ketika makan bersama seperti menunggu cukup bilangan orang di talam sebelum memulakan makan (85%), membaca *Bismillah* (90%) dan doa sebelum makan (90%) serta makan secara tertib atau tidak tamak (85%).

Beberapa adab didapati kurang mendapat perhatian responden seperti menjauhi percakapan tidak sopan ketika makan (45%), mengutamakan tetamu sewaktu makan (55%) dan membaca doa sesudah makan (55%).

Apabila ditanya tentang pengetahuan mereka berkenaan keselamatan dalam amalan pemakanan secara bertalam, 84% responden menyatakan mereka sudi makan bersama orang tak dikenali, orang miskin, anak yatim, OKU, bekas penagih, pesakit kencing manis atau pesakit jantung.

Namun apabila ditanya tentang pesakit HIV yang sebenarnya tidak berjangkit melalui perkongsian makanan, hanya 30% atau 6 responden (R3, R5, R6, R11, R16 & 20) yang sudi makan bersama pesakit HIV. 35% pula menyatakan bahawa mereka tidak pasti.

75% responden menyatakan

mereka tidak menolak untuk makan bersama pesakit yang berjangkit melalui air dan makanan. Ini termasuklah pesakit taun, TB dan hepatitis B.

Semasa menyatakan penghayatan kerohanian, 85% responden bersetuju bahawa aktiviti makan bertalam telah memberi kesan kepada penghayatan kerohanian mereka. 10% daripada responden tidak pasti dengan kesan kerohanian makan secara bertalam kepada diri mereka.

Namun tidak seorang pun responden menafikan kesan kerohanian daripada amalan makan secara bertalam. 10 bentuk kesan kerohanian telah diperhatikan yang dinyatakan seperti berikut:

Kesan Kerohanian	Ya	Tidak	Tidak Pasti
Kebersamaan	18	-	1
Mendahulukan Orang Lain	17	-	2
Merendah diri	17	-	2
Zuhud	18	-	1
Tidak Membazir	17	-	2
Merasa Keberkatan	18	-	2
Merasa Bersyukur	18	-	2
Membiasakan Bismillah	17	1	1
Kasih pada Fakir Miskin	16	-	3
Mengharap Keredhaan buat Keluarga	17	-	2

Jadual 1: Domain penghayatan kerohanian dari amalan makan secara bertalam di CCSC KT

Daripada pemerhatian yang dibuat oleh pengurusan CCSC KT, terdapat perbezaan yang jelas antara sebelum dan selepas amalan makan secara bertalam diperkenalkan. Selepas beberapa bulan residen CCSC KT makan secara bertalam, masalah disiplin seperti pergaduhan dan pertengkaran lidah telah menurun dengan banyak.

Hubungan sesama residen juga

didapati semakin akrab dan mesra. Makan secara bertalam juga telah dapat mengatasi isu tamak sewaktu beratur mengambil makanan seterusnya menjadikan makanan sentiasa mencukupi untuk semua orang.

## PERBINCANGAN

Menerusi dapatan temubual, kajian ini dapat meneliti aspek pengetahuan, amalan dan penghayatan kerohanian responden. Dari aspek pengetahuan kerohanian, tahap pengetahuan responden adalah di peringkat sederhana.

Responden mengetahui adab dan etika yang asas yang diambil dari sunnah Rasulullah SAW. Mereka juga mengetahui sebahagian daripada adab dan etika pertengahan, namun tidak mendalami adab dan etika makan yang terlalu asing dari amalan di Malaysia. Pengetahuan yang sederhana ini telah mampu memberikan kepuasan kepada sebahagian responden kerana telah dapat melakukan sunnah Nabi SAW.

Kajian ini mempercayai bahawa sebahagian daripada pengetahuan ini, khususnya tentang adab makan yang tidak biasa diamalkan di Malaysia, diperoleh menerusi ceramah agama khas tentang sunnah makan bertalam.

Walau bagaimanapun, pengukuhan, perkongsian dan penyebaran pengetahuan ini sebenarnya berlaku dalam siri perbincangan tidak formal sewaktu responden makan bersama secara bertalam. Sekiranya medium penyebaran maklumat dapat dipelbagaikan, rasa kepuasan dan keterujaan untuk mengamalkan sunnah Nabi SAW dalam lingkungan keluarga boleh ditingkatkan.

Dari aspek pengetahuan responden tentang stigma dan keselamatan amalan, kajian mendapati kesedaran responden adalah rendah. Responden tidak mempedulikan keperluan mengkuarantin kumpulan pesakit yang boleh menyebarkan penyakit mereka melalui air dan makanan.

Walau bagaimanapun, mereka mempunyai stigma yang tinggi terhadap pesakit HIV yang sebenarnya tidak



disebarkan melalui pergaulan biasa. Fenomena ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan residen dan keluarga residen, tetapi juga dalam kalangan sebahagian kakitangan AADK dan CCSC KT.

Kajian juga mendapati sebahagian responden yang sudi makan bersama pesakit HIV juga tidak bimbang untuk makan bersama pesakit TB dan taun. Ini menimbulkan keraguan samada responden adalah jelas tentang masalah stigma atau sebenarnya tidak mempunyai apa-apa kesedaran tentang amalan pemakanan yang selamat.

Dari aspek praktis, majoriti responden mengamalkan adab dan etika ketika makan bertalam. Suasana mesra semasa makan bertalam telah menggalakan mereka untuk cuba mempraktikkan amalan ini bersama keluarga mereka.

Namun terdapat juga responden yang enggan makan bersama keluarga mereka. Ini berkemungkinan disebabkan pengalaman lampau bersama keluarga yang menimbulkan rasa tertekan dan tidak selesa untuk makan bersama keluarga. Perkara-perkara yang menjadi penghalang hubungan antara keluarga perlu ditangani bagi membolehkan kerohanian keluarga disampaikan melalui pelbagai medium yang tidak terhad kepada makan bersama semata-mata.

Aspek penghayatan kerohanian menunjukkan kesan positif yang sangat ketara dari amalan makan secara bertalam. Sewaktu makan bersama, responden berinteraksi dengan orang yang makan bersama mereka dan secara tidak langsung mendidiknya diri dengan sifat-sifat kesopanan sewaktu makan. Apabila sifat-sifat mulia ini diamalkan secara konsisten, ia menjadi suatu kebiasaan yang membentuk peribadi dan jati diri responden.

## PENUTUP

Kerohanian yang diperolehi melalui amalan makan bertalam boleh direfleksikan ke dalam keluarga setiap responden, sama ada residen, bekas residen, ahli keluarga residen atau kakitangan CCSC dan AADK KT.

Sekiranya amalan ini diteruskan oleh responden di rumah masing-masing, kesan dan penghayatan kerohanian tersebut akan kekal, khususnya kepada bekas penagih, dan meluas kepada semua ahli keluarga yang terlibat.

Keseimbangan antara pengetahuan kerohanian, amalan kerohanian dan penghayatan kerohanian perlulah ditekankan agar manfaat serta matlamat kerohanian tersebut sampai dengan jelas dan berjaya. Pengetahuan tentang keselamatan sewaktu makan bersama misalnya, perlulah dipertingkatkan melalui siri penjelasan yang berterusan agar sunnah makan bersama ini tidak disalahertikan.

Kajian ini mendapati impak dan berkat yang diperolehi daripada amalan menghidupkan sunnah khususnya amalan makan secara bertalam ini adalah relevan dan jelas. Amalan ini mudah dan praktikal, maka seharusnya ia dikembangkan serta diwarwarkan untuk tujuan aplikasi di ruang yang lebih luas, khususnya di rumah-rumah pemulihan dadah.

## PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Talian yang boleh dihubungi ialah 09-6627034 (Untuk Perhatian: Puan Nurul Shazwani Abdul Rani). Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, *Cure and Care Service Center* Kuala Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin di atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, S.S. 2009. *Sunan Abi Daud*, al-Arnaut et.al. (ed.). T.tp: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-'Asqalani, Ibnu Hajar. 1986. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam al-Bukhariyy*. Fuad A.B. et. al. (ed.) T.tp: Dar al-Kutub al-Salafiyah.
- Belk, R. W. 2010. *Sharing*. Journal of

- Consumer Research, 36 (5), 715734, <https://doi.org/10.1086/612649>.
- Al-Bukhariyy, M. M. 2002. *Sahih al-Bukhariyy*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Cappellini, B., & Parsons, E. 2012. *Sharing The Meal: Food Consumption And Family Identity*. Research in Consumer Behavior, 14, 109–128. [https://doi.org/10.1108/S0885-2111\(2012\)0000014010](https://doi.org/10.1108/S0885-2111(2012)0000014010).
- Eisenberg, Marla E., Olson, R. E., Neumark-Sztainer, D., Story, M., & Bearinger, L. 2004. *Correlations Between Family Meals And Psychosocial Well-Being Among Adolescents*. Arch Pediatr Adolesc Med, 158(8), 792–796. <https://doi.org/10.1001/archpedi.158.8.792>.
- Ferawati, L. El, Azalanshah, M., Syed, M., & Hamzah, A. Nd. *Television Consumption And The Construction Of Hybrid Identity Among The Female Javanese Descendants In Malaysia*. Retrieved from [http://repository.um.edu.my/30581/1/Lily El Ferawati AMIC.pdf](http://repository.um.edu.my/30581/1/Lily%20El%20Ferawati%20AMIC.pdf).
- Fishel, A. K. 2016. *Harnessing The Power Of Family Dinners To Create Change In Family Therapy*. Australian and New Zealand Journal of Family Therapy, 37(4), 514–527. <https://doi.org/10.1002/anzf.1185>.
- Haridi, N. H. M. 2016. *Program Agama Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan Dan Keberkesanan*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Jandra, M., Djamil, A. S., Salamon, H., Ansyory, A., & Zein, M. D. 2016. *Identity and Culture Change of Javanese in Johor*. UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN: 2289-8204), 3(3-1), <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n3-1.140>.
- Krauss, Steven Eric; Azimi, Hamzah; Rumaya, Juhary; Jamaliah, A. H. 2005. *The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI): Towards Understanding Differences in the Islamic Religiosity among the Malaysian Youth*. Pertanika Journal Social Science & Human, 13(2), 173–186. Retrieved from [http://psasir.upm.edu.my/3524/1/The\\_Muslim\\_Religiosity-Personality\\_Inventory\\_\(MRPI\).pdf](http://psasir.upm.edu.my/3524/1/The_Muslim_Religiosity-Personality_Inventory_(MRPI).pdf).
- Meier, A., & Musick, K. 2014. *Variation In Associations Between Family Dinners And Adolescent Well-Being*. Journal of Marriage and Family, 76(1), 13–23. <https://doi.org/10.1111/jomf.12079>.
- Prior, A.-L., & Limbert, C. 2013. *Adolescents' Perceptions And Experiences Of Family Meals*. Journal of Child Health Care, 17(4), 354–65. <https://doi.org/10.1177/1367493512462261>
- Skeer, M. R., & Ballard, E. L. 2013. *Are Family Meals as Good for Youth as We Think They Are? A Review of the Literature on Family Meals as They Pertain to Adolescent Risk Prevention*. Journal of Youth and Adolescence, 42(7), 943–963. <https://doi.org/10.1007/s10964-013-9963-z>.

#### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.